

TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR
MERANGKAP
AHLI PARLIMEN PADANG TERAP

SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN
SUMBANGAN PELAJAR IPT

TARIKH :
5 OKTOBER 2022

MASA :
3.00 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim..

Assalamualaikum dan Salam Keluarga
Malaysia

SALUTASI

(Akan diberikan pada program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah terlebih dahulu marilah sama-sama kita merafakkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya, kita dapat bersama-sama pada petang ini bagi

menyempurnakan satu lagi amanah dan tugas yang diberikan kepada saya selaku Ahli Parlimen Padang Terap untuk menyampaikan bantuan kepada siswa-siswi IPT dari kawasan Parlimen Padang Terap.

2. Saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dari Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Padang Terap kerana dapat menganjurkan program ini pada hari ini.

3. Sesungguhnya peluang untuk bertemu dan bersama dengan penerima yang terdiri daripada anak muda dari kawasan Parlimen Padang Terap sungguh berharga bagi saya walaupun dalam tempoh yang singkat.

Sidang hadirin sekalian,

4. Kerajaan sentiasa perihatin dan mengambil berat nasib yang di alami golongan yang tidak berkemampuan serta berkeperluan khususnya mereka yang berada dalam kelompok B40 dalam memenuhi hasrat pembangunan negara.

5. Kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat selaras dengan konsep Keluarga Malaysia melalui teras keduanya iaitu kebersamaan. Melalui teras berkenaan YAB Perdana Menteri menggariskan pengkayaan nilai dengan menyemai semangat prihatin dan budaya khidmat bagi membantu ahli Keluarga Malaysia yang memerlukan bantuan.

6. Sebagai salah seorang yang datang dari desa dan keluarga peneroka getah, semestinya beliau memahami

keperitan dan kesukaran ibu bapa dalam membiayai pengajian anak-anak khususnya ketika berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

7. Dalam hal ini, setelah dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau telah meminta kepada saya yang bertindak sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar mengambil inisiatif untuk melaksanakan program yang dapat meningkatkan pembangunan masyarakat di luar bandar dan meningkat taraf hidup mereka.

8. Sebagai sebuah kementerian yang bertindak secara terus dalam membantu rakyat di kawasan luar bandar, saya telah meminta KPLB untuk melaksanakan tiga mandat utama yang telah diberikan kepada kementerian ini dengan sebaiknya iaitu pembangunan sosio ekonomi, kemudahan prasarana serta pendidikan.

7. Bertepatan dengan peranan yang dimainkan oleh kementerian ini, saya memohon agar KPLB sentiasa prihatin dengan keperluan kumpulan sasaran

khususnya para pelajar yang berada di kawasan luar bandar.

BANTUAN PENDIDIKAN

9. Menyedari kemajuan dan peningkatan taraf hidup rakyat di sesebuah negara bermula dengan pendidikan, KPLB mengambil inisiatif membantu mereka yang memerlukan dengan menyediakan pelbagai bantuan pendidikan dan sumbangan dalam meringankan beban golongan yang memerlukan di kawasan luar bandar.

10. Pelbagai bantuan telah disalurkan dalam meringankan beban masyarakat di luar bandar khususnya dalam menyara anak-anak mereka bagi mendapatkan pendidikan yang sempurna. Antara inisiatif yang diberikan adalah bantuan pendidikan serta penyerahan bantuan zakat daripada agensi di bawah kementerian.

11. Bukan itu sahaja, bagi mengurangkan beban pelajar menanggung kos sara hidup yang semakin meningkat, baru-baru ini turut diumumkan kenaikan Elaun Sara

Hidup (ESH) pelajar dalam dan luar negara tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

12. Bagi pelajar yang mengikuti pengajian dalam negara, kadar baharu ESH dinaikkan minimum RM650 sehingga maksimum RM950 sebulan bagi bidang pengajian bermula daripada peringkat Diploma sehingga Doktor Falsafah dan profesional.

13. Manakala bagi pelajar yang menuntut di luar negara, ESH dinaikkan kepada kadar minimum RM1,380 sebulan sehingga

maksimum RM7,600 sebulan bermula daripada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda sehingga peringkat Doktor Falsafah dan peringkat profesional.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Bantuan yang disebutkan sebentar tadi adalah bukti bahawa kerajaan begitu mengambil cakna terhadap kesukaran yang dihadapi oleh rakyat dalam zaman kegawatan ekonomi kesan daripada penularan Covid19 dan juga perang antara Ukraine dan Rusia.

15. Isu ekonomi ini bukan hanya dihadapi oleh negara kita, tetapi di seluruh negara. Namun itu bukan alasan untuk kerajaan mengabaikan tanggungjawab terhadap Keluarga Malaysia.

16. Kerajaan sedar bahawa masyarakat kini memerlukan sokongan dan bantuan daripada kerajaan. Justeru melalui Bajet 2022, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan untuk Keluarga Malaysia. Antaranya Bantuan Keluarga Malaysia, Inisiatif e-

Pemula, Skim MySalam, Inisiatif PerantiSiswa dan banyak lagi.

SUMBANGAN PARLIMEN PADANG TERAP

18. Insha Allah pada hari ini saya akan menyampaikan bantuan kepada lebih kurang 385 orang pelajar dari seluruh kawasan Parlimen Padang Terap yang sedang menuntut di IPTA dan IPTS dari peringkat sijil hingga ke peringkat master.

19. Bantuan yang disampaikan pada hari ini juga merupakan salah satu

inisiatif yang diambil untuk membantu mengurangi beban golongan sasar yang berada di kawasan Parlimen Padang Terap.

20. Saya mengharapkan dengan bantuan ini, ia sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa dalam meringankan beban menguruskan kewangan anak-anak yang kini menuntut di institusi pendidikan tinggi.

21. Sebagai ahli Parlimen yang dipertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di luar bandar, saya akan

memastikan warga Padang Terap mengecapi pembangunan yang sama dirasakan oleh penduduk di bandar.

22. Oleh itu saya berharap warga Padang Terap terus menyokong saya dan memberikan kepercayaan untuk terus memimpin di Parlimen Padang Terap ini.

PENUTUP

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua

pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini dan kepada mereka yang sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam membela rakyat.

*Ke Kuala Nerang beli lengkuas,
Tanam juga di pinggir kolam.
Ilmu itu lebih luas,
Dari lautan yang paling dalam.*

24. Dengan kata-kata itu saya sudah ucapan ini dengan sekian, wabillahhi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.